**JURNAL QIRAAT****Jurnal al-Quran dan Isu-Isu Kontemporari**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,

Universiti Islam Selangor (UIS)

Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor

2026, Vol 9, Bil 1, Halaman 25-33

Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Tadabbur al-Quran melalui Medium Digital.

[Issues and Challenges in the Implementation of Quranic Tadabbur through Digital Media]

Mohd Asri bin Ishak¹ Mohd Ikram bin Mohd Nawī,² & Mohd Norzi bin Nasir³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

³ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

* Corresponding Author: Mohd Asri Ishak. Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Kajang Selangor, asri@uis.edu.my

Artikel dihantar: 7 Mei 2026

Artikel diterima: 12 Jun 2026

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2026

ABSTRACT

The development of digital technology has created new opportunities for the dissemination and appreciation of the Quran, including through tadabur (reflective contemplation) approaches that are more accessible to the public. However, the implementation of Quranic tadabur via digital media also faces various issues and challenges. This study aims to identify the key issues and challenges that arise in efforts to effectively deliver Quranic tadabur through digital platforms. The issues identified include concerns related to the authenticity and authority of sources, limitations in achieving deep tadabur engagement, and the absence of direct teacher guidance (talaqqi). In addition, other challenges involve differences in levels of digital literacy among users, as well as ethical issues and proper etiquette (adab) in interacting with the Quran. This study adopts a qualitative approach through literature analysis and observation of relevant digital platforms such as YouTube, TikTok, Facebook, and others. The findings are expected to provide guidance for preachers, educators, and content developers in strengthening digital approaches to Quranic tadabur so that they are more effective, authentic, and impactful for society.

Keywords:

Quranic, Tadabbur al-Quran, Medium Digital

ABSTRAK

Perkembangan teknologi digital telah membuka ruang baharu dalam penyebaran dan penghayatan al-Quran, termasuk melalui pendekatan tadabur yang lebih mudah diakses oleh masyarakat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tadabur al-Quran melalui medium digital turut berdepan dengan pelbagai isu dan cabaran. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu utama serta cabaran yang timbul dalam usaha menyampaikan tadabur al-Quran secara berkesan melalui platform digital. Antara isu yang dikenal pasti termasuk kesahihan dan autoriti sumber, kekangan penghayatan tadabur yang mendalam, ketiadaan bimbingan guru *Talaqqi*. Selain itu, cabaran lain melibatkan tahap literasi digital yang berbeza dalam kalangan pengguna serta isu etika dan adab dalam berinteraksi dengan al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis literatur dan pemerhatian terhadap platform digital yang berkaitan seperti *youtube, tiktok, facebook* dan lain-lain lagi. Dapatan kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada pendakwah, pendidik, dan pembangun kandungan dalam memperkukuh pendekatan tadabur al-Quran secara digital agar lebih berkesan, sahih, dan memberi impak kepada masyarakat.

Kata kunci:

Tadabbur Al-Quran, Medium Digital.

How to Cite: Ishak, M. A., Mohd Naw, M. I. ., & Nasir, M. N. . (2026). Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Tadabbur al-Quran melalui Medium Digital. *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*, 9(1), 25-33.

DOI: <https://doi.org/10.53840/8wn7yw73>

1.0 PENGENALAN


Tadabur al-Quran merujuk kepada usaha merenung, memahami dan menghayati makna ayat-ayat al-Quran untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Ia merupakan elemen penting dalam pendidikan Islam kerana ia melibatkan bukan sahaja pembacaan teks, tetapi juga pemahaman konteks, tafsir, dan pengamalan nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Quran. Tradisionalnya, tadabur dilakukan melalui pengajian bersemuka, bimbingan guru, serta pembacaan kitab tafsir dan syarah yang muktabar.

Perkembangan teknologi digital pada abad ke-21 telah membuka ruang baru dalam penyebaran ilmu al-Quran. Pelbagai medium digital seperti aplikasi al-Quran, platform pembelajaran dalam talian, video ceramah, dan komuniti maya kini digunakan sebagai alat bantu dalam pembelajaran Islam, termasuk dalam amalan tadabur al-Quran. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi digital memberi peluang kepada pelajar dan masyarakat untuk mengakses sumber ilmu secara lebih mudah dan interaktif, serta menghubungkan pemahaman al-Quran dengan konteks kehidupan kontemporari (Sakinatul Adabiah dan Abdulloh Dardum, 2025).

Selain itu, teknologi maklumat juga membolehkan amalan tadabur al-Quran dilakukan secara sendiri, membolehkan pembelajaran fleksibel tanpa batasan geografi atau masa, selaras dengan perkembangan pendidikan Islam moden (Rohana Zakaria et.al., 2024). Dengan adanya medium digital, ilmu al-Quran dapat diakses secara meluas dan berpotensi memberi impak positif terhadap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar, pendidik, dan komuniti Muslim secara umum.

Walaupun medium digital membawa pelbagai kemudahan, ia juga mencetuskan beberapa isu dan cabaran dalam pelaksanaan tadabur al-Quran. Dengan memahami isu serta cabaran yang timbul dalam konteks pelaksanaan tadabur melalui medium digital, kertas kerja ini mencadangkan analisis kritikal terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi pengalaman tadabur. Kajian ini bukan sahaja penting untuk mempertingkatkan kualiti pembelajaran al-Quran dalam era digital, tetapi juga memberi penekanan kepada aspek kesahihan ilmu dan keberkesanan pendekatan dalam pengajian Islam kontemporari.

2.0 KEPENTINGAN TADABUR AL-QURAN



Tadabur al-Quran merupakan sebuah proses berfikir secara mendalam dengan penuh tumpuan untuk memahami makna ayat-ayat suci al-Quran seterusnya dapat mengamalkannya dalam kehidupan seharian berdasarkan panduan-panduan yang telah dinyatakan dalam al-Quran (Rohana Zakaria et.al. , 2024). Melalui tadabur, al-Quran berperanan sebagai panduan hidup yang relevan dengan konteks moden, membantu individu memahami tujuan penciptaan, tanggungjawab sosial, serta hubungan manusia dengan Tuhan (Hermawan,2023). Selain itu, tadabur juga mempunyai impak positif terhadap kesejahteraan rohani dan mental, di mana kajian menunjukkan ia dapat membantu individu mengurus tekanan, meningkatkan ketenangan jiwa, dan memperkukuh kesedaran spiritual (Azman Ta'a et.al., 2023). Lebih daripada itu, tadabur menyumbang kepada internalisasi nilai-nilai Islam seperti ketakwaan, kejujuran, kesabaran, dan tanggungjawab sosial, yang membentuk tingkah laku berasaskan prinsip Islam dalam kehidupan seharian (Suci Istiana et.al , 2024). Secara keseluruhan, amalan tadabur al-Quran bukan sahaja memperkukuh hubungan individu dengan Allah, tetapi juga membentuk *worldview* Islam yang komprehensif, menyeluruh, dan bersepadu dalam aspek pemikiran, etika, dan tindakan sosial (Sakinatul Adabiah dan Abdulloh Dardum , 2025).

3.0 MEDIUM DIGITAL

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah membawa transformasi besar dalam cara manusia berinteraksi dengan ilmu, termasuk dalam penyebaran dan penghayatan ajaran Islam. Menurut Kamus Dewan Edisi empat, istilah “medium digital” merujuk kepada saluran atau platform berasaskan teknologi digital yang digunakan untuk menyampaikan, menyimpan, atau berkongsi maklumat, seperti internet, media sosial, laman web, dan aplikasi (Kamus Dewan Bahasa , 2015) . Dalam konteks pendidikan dan komunikasi, medium digital bukan sahaja sekadar alat komunikasi, tetapi berfungsi sebagai ruang interaktif yang memungkinkan penyebaran ilmu secara pantas, meluas dan mudah diakses oleh pelbagai lapisan masyarakat. Menurut (Indra, 2020),era digital ialah istilah bagi suatu masa di mana segala-galanya digerakkan oleh teknologi. Bermula daripada televisyen, penghawa dingin, peti sejuk, komputer, telefon pintar, hingga kepada penggunaan internet yang begitu meluas. Kini internet menjadi sumber tenaga utama kehidupan pada era ini. Internet memudahkan semua maklumat di dunia diperolehi dengan sangat cepat, malah dalam beberapa saat sahaja. Inovasi pembelajaran yang dilakukan dalam pembangunan teknologi maklumat digital adalah dengan memanfaatkan kemajuan teknologi maklumat yang berkembang pesat dalam era Revolusi Industri 4.0 untuk meningkatkan kualiti pembelajaran.

Inovasi pembelajaran digital perlu terus dipertingkatkan bagi menyokong semua mata pelajaran, termasuk dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Dalam konteks agama pula, medium digital membuka peluang bagi amalan tadabur al-Quran untuk dilakukan melalui pelbagai format digital seperti aplikasi al-Quran, video ceramah, tafsir interaktif, serta forum diskusi dalam talian yang membolehkan individu mengakses bahan rujukan dan refleksi ayat al-Quran di luar ruang fizikal tradisional.

Dengan adanya medium digital, proses pembelajaran dan penghayatan al-Quran tidak lagi terhad kepada interaksi bersemuka dan buku cetak semata-mata, sebaliknya berkembang kepada ruang digital yang boleh diakses tanpa batasan masa dan lokasi. Hal ini memberi implikasi penting dalam kajian pengajian Islam kontemporari, khususnya dalam memahami bagaimana amalan tadabur al-Quran dapat diadaptasi dan dihayati melalui penggunaan teknologi digital secara efektif dan beretika.

4.0 ISU DAN CABARAN DALAM PELAKSANAAN TADABUR AL-QURAN MELALUI MEDIUM DIGITAL

Setelah mengkaji dan meneliti pelbagai sumber berkaitan, didapati bahawa pelaksanaan tadabur al-Quran dalam era digital berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran yang signifikan. Oleh itu, beberapa aspek penting perlu diberi perhatian bagi memastikan pendekatan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan dan menepati tujuan sebenar tadabur.

4.1 Kesahihan dan Autoriti Sumber

Kesahihan dan autoriti sumber dalam medium digital merupakan aspek yang sangat penting dalam usaha tadabur al-Quran pada era teknologi masa kini. Lambakan maklumat di platform digital seperti laman web, aplikasi, dan media sosial memudahkan akses kepada tafsir dan penjelasan al-Quran, namun pada masa yang sama menuntut pengguna untuk lebih berhati-hati dalam menilai kesahihan kandungan tersebut. Tanpa rujukan yang berautoriti dan berlandaskan disiplin ilmu yang sahih, pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran berisiko disalah tafsir atau diselewengkan. Oleh itu, penekanan terhadap pemilihan sumber yang dipercayai, berasaskan ulama muktabar serta metodologi tafsir yang betul amatlah penting bagi memastikan tadabur al-Quran dilakukan dengan tepat, beradab, dan selaras dengan ajaran Islam yang sebenar.


Menurut (Hadi, 2025) keterbukaan dan kepantasan teknologi digital turut membawa cabaran besar terhadap kesahihan kandungan dakwah, khususnya apabila melibatkan tafsir al-Quran dalam ruang maya. Kewujudan pelbagai platform terbuka telah meningkatkan risiko penyebaran tafsir yang tidak sahih, manipulasi maklumat agama, serta eksploitasi kandungan Islamik oleh algoritma yang cenderung kepada populariti berbanding ketulenan ilmu (Al-Momani, 2025). Menurut (Manar Muhammad .et.al, 2025), dakwah Islam yang dibangunkan melalui kecerdasan buatan tanpa bimbingan pakar agama berpotensi menimbulkan salah faham terhadap ajaran Islam. Firman Allah SWT memberi amaran.:

﴿وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ﴾^(١١٦)

Terjemahan: “Dan janganlah kamu mengatakan terhadap apa yang disebut oleh lidahmu secara dusta: ‘Ini halal dan ini haram’, untuk mengada-adakan pendustaan terhadap Allah” (Surah al-Nahl, 116).

Penyebaran tafsiran yang tidak tepat atau tidak berasaskan sumber muktabar (sumber yang diiktiraf sahih/ahlinya) membawa risiko besar kepada individu masyarakat, dan keutuhan ajaran agama. Dalam era digital, penyebaran ini berlaku dengan pantas dan sukar dikawal. Menurut (M.Faidh Fasyani et.al, 2024), dalam era pasca-kebenaran, prinsip-prinsip ini berdepan cabaran besar apabila proses pentafsiran tidak lagi diregulasi oleh institusi keilmuan, sebaliknya tersebar secara rawak oleh individu atau algoritma digital tanpa jaminan autoriti. Oleh itu, wujud keperluan untuk melakukan transformasi terhadap prinsip autentikasi tradisional dalam kerangka teknologi semasa agar mampu menilai kesahihan kandungan secara berskala dan objektif.

Ketiadaan kawalan autoriti dalam penyebaran kandungan agama di medium digital telah mewujudkan satu cabaran besar kepada masyarakat, khususnya dalam membezakan antara ilmuwan yang berkelayakan dengan individu yang tidak mempunyai latar belakang keilmuan yang sahih. Dalam suasana terbuka ini, sesiapa sahaja boleh berkongsi pandangan atau mentafsirkan ayat al-Quran tanpa melalui proses penilaian ilmiah yang ketat, sekali gus menyukarkan kita membezakan antara sumber yang sahih dengan yang sebaliknya. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna, malah berpotensi membawa kepada salah faham terhadap ajaran Islam jika kandungan yang dirujuk tidak disandarkan kepada disiplin ilmu yang betul dan sumber yang dipercayai. Tradisi tafsir dalam Islam bukan sahaja berasaskan kepada bahasa dan konteks, tetapi juga melibatkan keserjanaan, adab dan kefahaman yang bersumberkan iman, takwa, adil, sanad dan autoriti ulama. Proses memahami makna al-Quran memerlukan kelayakan dan syarat yang ketat termasuk ilmu bahasa Arab,



asbab al-nuzul, *nasikh-mansukh* dan disiplin *usul fiqh* (Ahmad Bazli Ahmad Hilmi et.al., 2021). Pentafsiran al-Quran juga tidak boleh dilakukan oleh sembarangan individu tanpa sandaran ilmu dan iman.

4.2 Kekangan Penghayatan Tadabur yang Mendalam

Medium digital pada masa kini lebih cenderung kepada penyampaian kandungan yang bersifat ringkas dan padat, seperti video pendek, infografik, dan kapsyen media sosial. Walaupun format ini memudahkan penyebaran maklumat secara pantas dan meluas, ia secara tidak langsung mengehadkan ruang untuk perbincangan yang mendalam dan analisis yang terperinci, khususnya dalam konteks tadabur al-Quran. Hal ini kerana tadabur memerlukan penelitian, perenungan yang berlapis, serta kefahaman yang menyeluruh terhadap konteks ayat, yang sukar dicapai melalui kandungan yang bersifat segera dan terhad. Oleh itu, kecenderungan kepada kandungan ringkas ini menjadi satu cabaran dalam usaha menghayati al-Quran secara lebih mendalam dan berstruktur.

Menurut (Abdul Mana et.al., 2023) penyebaran mesej al-Quran dan hadis melalui *TikTok* telah menjadi fenomena yang semakin meluas, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dengan lebih daripada satu bilion pengguna aktif di seluruh dunia, *TikTok* menyediakan platform yang unik untuk pengengaruh menyampaikan ajaran Islam dengan cara yang menarik dan mudah diakses. Keterbatasan format video pendek juga menjadi cabaran dalam penyampaian ilmu Islam. Dalam banyak kes, penjelasan yang mendalam tentang ayat-ayat al-Quran atau hadis memerlukan masa dan ruang untuk membincangkan konteks, makna, dan aplikasi. Namun, dengan had masa yang ditetapkan untuk setiap video, pengengaruh mungkin terpaksa menyampaikan maklumat secara ringkas, yang boleh mengakibatkan kehilangan nuansa dan kedalaman tafsir (Althaf Husein Muzakky et.al., 2022). Pendekatan yang terlalu ringkas mungkin tidak memberikan pemahaman yang menyeluruh kepada penonton, dan ini boleh menyebabkan salah faham tentang ajaran Islam (Siti Nurohni Mohamed et.al., 2025).

Tadabur al-Quran adalah untuk menyedarkan atau menghidupkan hati yang sepatutnya membuahkan hasil sebagai tanda kepada khusyuk seperti bergetar hati, menangis, takut, iman semakin bertambah, mengharap dan lain-lain. Kesedaran terhadap ilmu tadabur adalah satu keharusan yang mesti disemai dalam jiwa setiap individu Muslim. Proses tadabur bukanlah sesuatu yang ringan. Ia melibatkan hati yang terbuka dan jiwa yang bersedia merenung, mencernakan, dan meresapi makna ayat-ayat Ilahi. Mempelajari Al-Quran secara bertadabur dapat membantu diri dalam meningkatkan kefahaman mengenai ayat suci Al-Quran (Nur Irsalina et.al., 2024). Namun, dalam persekitaran digital yang serba pantas dan dipenuhi dengan gangguan seperti notifikasi, media sosial, dan aliran maklumat tanpa henti, keadaan ini menjadi semakin sukar untuk dicapai. Pengguna sering beralih daripada satu kandungan ke kandungan lain dalam tempoh yang singkat, sekali gus mengurangkan keupayaan untuk memberi tumpuan secara mendalam. Justeru, cabaran ini menuntut kesedaran dan disiplin diri agar proses tadabur dapat dilaksanakan dengan lebih khusyuk dan berkesan walaupun berada dalam dunia digital.

4.3 Ketiadaan Bimbingan Guru (*Talaqqi*)

Tadabur al-Quran merupakan suatu usaha memahami, menghayati dan mengamalkan kandungan al-Quran secara mendalam dalam kehidupan seharian. Tradisi Islam sejak dahulu menekankan kepentingan *talaqqi*, iaitu proses pembelajaran secara bersemuka dengan guru yang berautoriti bagi memastikan kefahaman yang tepat serta terpelihara daripada kesalahan tafsiran. Namun, perkembangan teknologi digital pada era kini telah mengubah cara masyarakat berinteraksi dengan al-Quran. Pelbagai platform seperti aplikasi mudah alih, media sosial dan laman sesawang menyediakan akses yang mudah dan pantas kepada tafsir, terjemahan serta bahan tadabur.

Walaupun kemudahan ini memberi manfaat yang besar, ketiadaan bimbingan guru secara langsung dalam medium digital menimbulkan beberapa isu dan cabaran. Antaranya ialah risiko salah faham terhadap ayat al-Quran, kecenderungan mentafsir secara sendiri tanpa asas ilmu yang kukuh, serta kesukaran membezakan sumber yang sahih dengan yang tidak berautoriti. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada ketulenan pemahaman serta amalan umat Islam.

Menurut Imam (al-Zarnuji, 2014) pembelajaran al-Quran melalui kaedah talaqqi sangat penting dalam memastikan kefahaman yang tepat dan sahih. Hal ini kerana guru berperanan menjelaskan konteks ayat serta mengelakkan salah tafsir dalam kalangan pelajar. Seterusnya, interaksi antara guru dan pelajar dalam proses talaqqi membantu membentuk adab dan akhlak dalam menuntut ilmu, yang merupakan elemen penting dalam tradisi pendidikan Islam (Al-Ghazali, 2005). Ini menunjukkan bahawa pembelajaran bukan sahaja tertumpu kepada pemahaman kognitif, tetapi juga pembangunan rohani. Di samping itu, guru berfungsi sebagai penapis maklumat dalam era digital yang penuh dengan pelbagai sumber yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Bimbingan ini penting bagi memastikan pelajar merujuk kepada sumber yang muktabar dan berautoriti (Saeed, 2006). Maka ini membuktikan bahawa talaqqi kekal sebagai kaedah penting dalam pembelajaran al-Quran kerana ia menjamin ketepatan ilmu, pembentukan adab, dan kefahaman yang menyeluruh terhadap ajaran Islam.


Kajian juga menunjukkan bahawa bimbingan guru secara bersemuka sangat penting bagi mengelakkan salah faham dalam memahami sesuatu ayat al-Quran. Risiko salah faham terhadap ayat al-Quran didapati meningkat apabila pembelajaran dilakukan tanpa bimbingan guru yang berautoriti, kerana ketiadaan elemen pembetulan dan panduan secara langsung dalam proses pembelajaran (Hamzah, 2022) (Harahap, 2023). Kesimpulannya, ketiadaan bimbingan guru melalui kaedah talaqqi dalam medium digital boleh menjejaskan ketepatan kefahaman dan penghayatan al-Quran. Walaupun teknologi memudahkan akses kepada ilmu, peranan guru tetap penting dalam membimbing, membetulkan kesilapan dan memastikan tafsiran yang sahih. Oleh itu, keseimbangan antara penggunaan teknologi dan bimbingan guru perlu dititikberatkan agar tadabur al-Quran dapat dilaksanakan dengan tepat dan berkesan.

4.4 Isu Etika dan Adab dalam Berinteraksi dengan al-Quran.

Dalam era digital, al-Quran kini mudah diakses melalui pelbagai medium seperti aplikasi dan media sosial, sekali gus memudahkan amalan tadabur dalam kalangan umat Islam. Namun, kemudahan ini turut menimbulkan isu etika dan adab, seperti kurangnya penghormatan, pembacaan tanpa penghayatan, serta perkongsian ayat tanpa kefahaman yang tepat. Oleh itu, penting untuk mengekalkan adab dalam berinteraksi dengan al-Quran walaupun melalui peranti digital, agar tujuan sebenar tadabur sebagai usaha memahami dan menghayati ayat-ayat Allah dapat dicapai dengan lebih bermakna.

Adalah tidak wajar apabila seseorang yang sedang mentadabur al-Quran terganggu dengan kemunculan iklan-iklan yang tidak sopan atau menjolok mata, meskipun perkara tersebut sukar dielakkan dalam penggunaan medium digital. Kajian mendapati bahawa iklan dan notifikasi yang muncul dalam aplikasi al-Quran digital boleh mengganggu perhatian pengguna ketika membaca al-Quran dan mentadabur al-Quran. Keadaan ini boleh menyebabkan pengguna kurang fokus dan kurang khusyuk semasa mentadabur al-Quran (Mahfudlah Fajrie et.al., 2023).

Tindakan mentadabur al-Quran dengan hanya memetik atau memotong sebahagian ayat tanpa merujuk kepada konteks keseluruhan boleh dianggap tidak menepati adab dalam berinteraksi dengan wahyu. Hal ini kerana pemahaman al-Quran menuntut penelitian yang menyeluruh terhadap teks dan konteks, termasuk hubungan antara ayat, sebab penurunan *asbāb al-nuzūl*, serta kerangka tafsiran yang sahih. Kajian dalam bidang tafsir kontemporari menegaskan bahawa pendekatan yang hanya berfokus kepada teks secara terpisah tanpa mengambil kira konteks sejarah dan sosial boleh membawa kepada salah faham dan penyimpangan makna (Santono, 2024). Selain itu tadabur memerlukan analisis yang mendalam dan menyeluruh, bukan sekadar pemahaman yang terhad dan sempit bagi memastikan mesej al-Quran difahami secara tepat dan relevan dengan kehidupan (Elenia, 2025).



Mengikut keinginan generasi yang suka kepada yang padat dan ringkas seperti di aplikasi *tiktok* membawa kesan kepada amalan mentadabur al-Quran. Hal ini dibimbangi akan menjejaskan maksud sebenar pengajian al-Quran yang bertujuan mendidik jiwa dan membentuk akhlak bukan sekadar menyampaikan maklumat. Transformasi dalaman yang sepatutnya berlaku hasil daripada proses tadabur dan *tazakkur* mungkin menjadi lemah apabila pendekatan digital terlalu dominan dan ketara (Hadi dan Ahmad Zulfiqar Shah, 2025). Kesimpulannya, penggunaan pendekatan digital dalam pengajian al-Quran perlu diseimbangkan dengan pemeliharaan adab serta kefahaman terhadap objektif utama wahyu, iaitu sebagai sumber *tazkiyah al-nafs* dan pembentukan akhlak. Tanpa keseimbangan tersebut, terdapat risiko bahawa al-Quran hanya dilihat sebagai medium penyampaian maklumat semata-mata, sedangkan dimensi tarbiah dan transformasi spiritualnya menjadi terpinggir. Hal ini akhirnya boleh melemahkan proses tadabur dan *tazakkur* yang sepatutnya membawa kepada penghayatan yang lebih mendalam serta perubahan dalaman dalam diri seorang Muslim.

4.5 Tahap Literasi Digital dan Keilmuan.

Tahap literasi digital dan keilmuan merupakan aspek penting dalam memastikan keberkesanan interaksi seseorang dengan sumber ilmu, khususnya al-Quran dalam era teknologi. Literasi digital bukan sekadar keupayaan menggunakan peranti dan aplikasi, tetapi juga merangkumi kebolehan menilai kesahihan maklumat, memahami konteks serta menggunakan teknologi secara beretika. Dalam masa yang sama, tahap keilmuan yang kukuh diperlukan bagi memastikan setiap proses pemahaman dan tadabur berlandaskan disiplin ilmu yang sahih. Gabungan kedua-dua elemen ini amat penting agar penggunaan medium digital dalam pengajian al-Quran tidak menjejaskan ketepatan kefahaman serta adab terhadap wahyu.

Penggunaan medium digital sebagai salah satu cara untuk mentadabur al-Quran mempunyai risiko tersendiri, khususnya kerana tidak semua pengguna memiliki kemahiran untuk menilai kesahihan maklumat dalam persekitaran digital. Hal ini merupakan satu cabaran yang kritikal dalam era maklumat semasa, apabila sebahagian pengguna media sosial tidak berupaya membezakan antara maklumat yang sahih dan yang tidak tepat, sekali gus mendedahkan mereka kepada kecenderungan untuk terpengaruh serta tanpa sedar menyebarkan maklumat yang tidak sahih (Bernama, 2024).

Menurut (Hadi & Ahmad Zulfiqar Shah, 2025) kekurangan asas ilmu seperti tafsir, bahasa Arab, dan *Ulum al-Quran* sememangnya merupakan cabaran utama dalam tadabur al-Quran menerusi medium digital. Walaupun teknologi memudahkan akses kepada ayat al-Quran, ia berisiko membawa kepada pemahaman yang dangkal atau salah jika tidak berpandukan disiplin ilmu yang betul. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa kaedah tadabur yang digunakan menerusi aplikasi ini hanya menyentuh makna zahir ayat, dan tidak menyentuh perbahasan yang terlalu mendalam (Yusuff, S.et.al., 2021).

Konklusinya, keberkesanan tadabur al-Quran melalui medium digital sangat bergantung kepada keseimbangan antara literasi digital dan keilmuan yang kukuh, kerana tanpa keupayaan menilai kesahihan maklumat serta asas ilmu seperti tafsir, bahasa Arab dan *Ulum al-Quran*, penggunaan teknologi boleh membawa kepada kefahaman yang dangkal atau tidak tepat. Walaupun medium digital memudahkan akses dan meningkatkan minat terhadap al-Quran, pendekatan yang digunakan masih banyak tertumpu pada makna zahir dan belum mencapai kedalaman ilmiah, justeru pengguna perlu lebih berwaspada dan merujuk kepada sumber yang berautoriti. Oleh itu, integrasi antara kemahiran digital, disiplin ilmu yang sahih dan adab terhadap wahyu amat penting bagi memastikan

tadabur yang dilakukan bukan sahaja mudah dicapai, tetapi juga tepat, mendalam dan memberi kesan kepada penghayatan serta pengamalan.

5.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaksanaan tadabur al-Quran melalui medium digital menghadapi pelbagai cabaran seperti isu kesahihan dan autoriti sumber, keterbatasan penghayatan yang mendalam, ketiadaan bimbingan guru secara talaqqi, kelemahan adab dalam berinteraksi dengan al-Quran, serta tahap literasi digital dan keilmuan yang tidak seimbang. Walaupun teknologi memudahkan akses, ia tidak mampu menggantikan sepenuhnya peranan disiplin ilmu dan bimbingan berautoriti dalam memastikan kefahaman yang tepat dan beradab. Oleh itu, beberapa cadangan perlu diberi perhatian, antaranya meningkatkan pendidikan literasi digital berteraskan nilai Islam, memperkukuh penguasaan ilmu asas seperti tafsir dan Ulum al-Quran, menggalakkan integrasi kaedah talaqqi secara dalam talian bersama guru yang berkeelayakan, membangunkan platform digital yang berautoriti dan dipantau oleh institusi keilmuan, serta menanam kesedaran tentang adab dalam berinteraksi dengan al-Quran. Pendekatan yang holistik ini penting bagi memastikan tadabur melalui medium digital bukan sahaja mudah diakses, tetapi juga sahih, mendalam dan memberi kesan kepada penghayatan serta pengamalan

KONFLIK KEPENTINGAN


Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak dengan kajian ini.

RUJUKAN

- Hadi, & Ahmad Zulfiqar Shah. (2025). Al-Quran dalam era kecerdasan buatan (AI): Peluang dan cabaran. *Al-Makrifah: Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, Volume (Issue), 84–95.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Muhammad Hafiz Saleh, & Adibah Sulaiman @ Mohamad. (2021). Kaedah memahami makna al-Quran dalam pengintegrasian ayat hafazan dengan ilmu aqli. *Ulum Islamiyyah*, 33, 175–202.
- Al-Ghazali. (2005). *Ihya' 'ulum al-din*. Dar Ibn Hazm.
- Al-Momani, I. M. (2025). Ethical challenges for using artificial intelligence in understanding Islam. *Salud, Ciencia y Tecnología – Serie de Conferencias*,
- Althaf Husein Muzakky, Faisal Haitomi, & Maula Sari. (2022). Resepsi tafsir Q.S. Al-Mujadilah di TikTok sebagai upaya edukasi dan pembelaan hak-hak perempuan. *Jurnal SMART*, (Issue), 1–14.
- al-Zarnuji, B. I. (2014). *Ta'lim al-muta'allim tariq al-ta'allum* (3rd ed.). Dar Ibn Kathir.
- Azman Ta'a, Nur Najibah Atiqah Abdul Aziz, Muhammad Shakirin Shaari @ Hj Ashari, Salina Ismail, & Ahmad Suki Che Mohamed Arif. (2023). Al-Quran Tadabbur application for self-learning. *Journal of Information System and Technology Management (JISTM)*, 8(29), 21–35.
- Bernama. (2024, May 17). *Cabaran media baharu tuntutan kemahiran literasi digital*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elenia, S. (2025). The role of the maqasid approach as a key instrument in Qur'anic tadabbur in the contemporary era. *Afkaruna: Indonesian Interdisciplinary Journal of Islamic Studies*, 21(1), 136–156.
- Hamzah, N. (2022). Study on elements of teacher authority in Islamic online learning (E-Talaqqi). *Al-Hayat: Journal of Islamic Education*, 6(2), 506–514.
- Harahap, N. S. (2023). Implementasi metode talaqqi dalam meningkatkan kualitas hafalan Al-Quran siswa MTs Nurul Falah Panompuan Tapanuli Selatan. *Jurnal Islamika*, 23(2), 1267–1280.
- Hermawan, I. (2023). Tadabur Al-Quran sebagai upaya literasi beragama di era digital. *Wahana Karya Ilmiah Pendidikan*, 7(1), 1–11.
- Indra, H. (2020). Challenges and response in Islamic education perspective in the digital era. *Attarbiyah: Journal of Islamic Culture and Education*, 5(1), 31–42.



- Manan, A., Jannah, N., Lutfi, M., Iffah, N., Anuar, S., Izzah, N., & Syed Hasan, S. N. (2023). Kepentingan dan peranan aplikasi TikTok dalam menyebarkan dakwah di kalangan remaja. In *E-Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-IV (ARIF 2023)*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Fasyani, M. F., Muqsid, A., & Muftaba, A. W. (2024). Artificial intelligence and digital tafsir: Assessing the interpretive accuracy of ChatGPT's engagement with *Tafsir al-Qurtubi*. *Journal of Ushuluddin and Islamic Studies*, Volume (Issue), 86–118.
- Mahfudlah Fajrie, et al. (2023). Al-Quran digitalization: Adolescent view on the value of the digital Al-Quran application. *Jurnal Komunikasi*, 15(1), 92–106.
- Manar Muhammad, Muhammad Zaki Sapuan, & Muhammad Haziq Jani. (2025). Etika penggunaan prompt kecerdasan buatan (AI) dalam memelihara kesahihan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam akidah, fikah dan tasawuf. *Journal of Ushuluddin*, 53(1), 75–98.
- Nur Irsalina Amran, Nurul Najihah Kamal, & Syed Najihuddin Syed Hasan. (2024). Pengajian tadabbur al-Quran di aplikasi TikTok. In *E-Prosiding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rohana Zakaria, Mohd Asri Ishak, Sharifah Nurhidayah Syed Aziz, Mardhiah Yahaya, Hayati Hussin, & Sofea Thanaa' Saibon. (2024). Tadabbur al-Quran melalui teknologi maklumat: Satu kajian rintis dalam kalangan pelajar Universiti Islam Selangor. *Journal of Advanced Research in Computing and Applications*, 35(1), 31–39.
- Saeed, A. (2006). *Interpreting the Quran: Towards a contemporary approach*. Routledge.
- Sakinatul Adabiah, & Abdulloh Dardum. (2025). Quranic contemplation in the digital sphere: An analysis of Quran journaling practices in virtual communities. *QiST: Journal of Quran and Tafseer Studies*, Volume (Issue), 863–880.
- Santono, A. N. (2024). Penafsiran Al-Quran: Mencari keseimbangan antara teks dan konteks dalam menafsirkan Al-Quran. *NUN: Jurnal Studi Alquran dan Tafsir di Nusantara*, 10(2), 124–142.
- Siti Nuroh Nuroh, Siti Nurwanis Nuroh, & Sabirin Yusoff. (2025). Peranan pempengaruh digital di TikTok dalam penyebaran al-Quran dan hadis: Satu tinjauan naratif. *Rabbanica: Journal of Revealed Knowledge*, 6(1), 193–209.
- Suci Istriana, Imas Kania Rahman, & Hasbi Indra. (2024). Utilization of educational technology in teaching tadabbur Al-Quran. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 13(1), 131–142.
- Yusuff, S., Sholeh, M., Haji-Othman, Y., & Mat Isa, N. H. (2021). Tadabbur al-Quran menerusi aplikasi telefon pintar (mobile apps): Kajian terhadap Surah al-Hadid. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(8).